

# MSC Malaysia sedia peluang institusi kewangan menjadi lebih berdaya maju

UM - 17/5/2007

Oleh AMRAN AHMAD

DENGAN tujuh aplikasi perdana yang disokong peruntukan dana berbentuk geran penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebanyak RM120 juta, strategi dan pelaksanaan MSC Malaysia giat dijalankan sejak 10 tahun lalu dalam semua sektor ekonomi negara, paling menyerlah ialah perbankan dan kewangan.

Selari dengan Pelan Induk Sektor Kewangan yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memantapkan sektor perbankan, nadi penggerak MSC, Multimedia Development Corporation (MDeC) menjadi sumber sokongan dan rujukan kepada bank-bank dan institusi kewangan tempatan untuk mendapatkan kaedah bagi meningkatkan kecekapan operasi.

Hasilnya, selepas kira-kira 10 tahun strategi MSC dilaksanakan, bank dan institusi kewangan negara kini lebih berdaya maju dengan memiliki sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang lengkap dan terkini.

Pemilikan sistem ICT yang terkini sangat penting bagi membantu bank-bank dan institusi kewangan mencapai matlamat perniagaan iaitu peningkatan kecekapan operasi dan produktiviti sumber manusia sekali gus menjana penurunan kos perniagaan.

Paling mudah untuk dilihat hasil dan kesan MSC kepada sektor perbankan dan kewangan negara ialah penggunaan kad bercip atau Europe Master Visa (EMV) yang sejak 2005 berjaya mengurangkan jenayah pemalsuan dan penyalahgunaan kad kredit di negara ini, sekaligus memberi manfaat yang besar kepada rakyat negara ini terutama pengguna secara amnya.

Menyedari kepentingan ICT dalam ekonomi negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengadakan rundingan dengan SME Bank Bhd. bagi mewujudkan pembiayaan khas untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terbabit dalam teknologi maklumat (IT).

Pada masa yang sama, semua bank dan institusi kewangan termasuk bank asing yang telah mula bertapak di negara ini seperti Bank Al Rajhi dan Kuwait Finance House membuat peruntukan yang besar bagi meningkatkan teknologi dan sistem ICT masing-masing.

Bank serta institusi kewangan berlumba-lumba mencari perisian pengurusan perniagaan dan perkhidmatan pelanggan terbaik untuk memberi lebih keselesaan kepada para pelanggan mereka serta menambah baik sistem pengurusan semasa agar mampu membuat keputusan lebih cepat dan menawarkan produk inovatif.

Sistem ini juga memudahkan syarikat korporat membuat kutipan pembayaran dalam transaksi yang besar dan dengan kemudahan itu, urusan transaksi oleh pelanggan boleh terus dibayar ke Bank Islam, sekali gus memudahkan pengguna kerana tidak perlu pergi ke bank berkenaan.

Pelaksanaan MSC dilihat bukan sahaja memberi peluang kepada bank-bank dan institusi kewangan untuk menjadi lebih berdaya maju tetapi turut membuka ruang kepada firma-firma

kecil dan sederhana dalam industri ICT perbankan dan kewangan untuk terus menempa nama dalam dunia perniagaan global.

Sebagai contoh, salah sebuah firma penyedia penyelesaian perbankan terbesar tempatan, Infopro Sdn. Bhd. yang berstatus MSC dilantik untuk menguruskan aktiviti ICT untuk ICB Global Management Sdn. Bhd. (ICB Global) di lapang negara di seluruh dunia antaranya Republik Guinea, Tanzania, Sierra Leone dan Mozambique di benua Afrika.

Syarikat ICT tempatan yang menyertai pameran ICT di Arab Saudi baru-baru ini pula menemui banyak potensi untuk mengadakan kerjasama memasarkan produk serta perkhidmatan mereka di rantau Timur Tengah menerusi bantuan yang dihulurkan MDeC yang bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade).

Antara syarikat-syarikat itu ialah CWorks Systems Bhd. yang memeterai perjanjian persefahaman dengan firma Pakistan.

MSC Malaysia diwujudkan pada 1996 dan fasa kedua pembangunannya bermula pada 2004 hingga 2010 melibatkan pembangunan bandar siber dan pusat siber di seluruh negara antaranya Cyberjaya, Taman Teknologi Tinggi Kulim dan Bandar Siber Pulau Pinang.

Pusat-pusat siber lain meliputi KL Sentral, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) dan Menara MSC Cyberport di Johor.

Aplikasi-aplikasi perdana itu seperti kerajaan elektronik (e-kerajaan), sekolah bestari, kad pintar pelbagai guna, teleperubatan, e-perniagaan, gugusan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan Pembangunan Usahawan Tekno.

Dengan prospek MSC yang mewujudkan lebih 48,000 peluang pekerjaan sejak kira-kira 10 tahun lalu, pastinya Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC Ke-10 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 17 hingga 19 Mei ini menyentuh fasa pembangunan seterusnya dalam sektor perbankan dan kewangan.

Sebanyak 19 ahli dalam lembaga berkenaan dan 14 wakil dengan dua yang baru dilantik ialah CEO Gonzo Digital, Shinichiro Ishikawa dan Pengurus Besar Eksekutif Saluran Kanak-kanak Al-Jazeera, Mahmoud Bouneb bakal menganalisis sejauh mana pencapaian MSC setakat 10 tahun ini dan mencorak kembali perkembangan lebih menarik pada masa hadapan.

Bagi sektor perbankan dan kewangan negara yang baru selesai menjalani proses pengecilan dalam proses penggabungan dan pengambilalihan yang berlaku baru-baru ini, ICT pastinya menjadi keutamaan dalam usaha bank dan institusi kewangan tempatan menambah daya saing dan maju dalam berhadapan dengan gelombang globalisasi yang terus mencengkam.

Mungkin pelaksanaan fasa seterusnya pelan pembangunan MSC dalam sektor perbankan dan kewangan pada masa hadapan juga ditumpukan pada pembangunan sistem ICT dalam industri perbankan Islam di peringkat global sejajar dengan rancangan Malaysia untuk muncul sebagai hab sektor kewangan Islam global.